

**Yang Di-pertuan Agong Dan Raja Permaisuri Berangkat Ke Majlis Moreh Di Kedah
Bernama
29 Julai, 2013**

ALOR SETAR, 29 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat ke Majlis Moreh Ampun Kurnia di Masjid Zahir di sini Ahad malam.

Baginda berdua disertai lebih 1,000 orang rakyat bagi memeriahkan acara tahunan sempena bulan Ramadan yang diadakan selepas solat Tarawih.

Turut hadir Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tan Sri Tunku Annuar Sultan Badlishah, Anggota Jemaah Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah dan Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim.

Menteri Besar Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir serta anggota-anggota exco kerajaan negeri turut serta.

Majlis diserikan dengan bacaan Al-Quran, zikir dan tazkirah.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966712>